

**23 OGOS 2021 (ISNIN)**



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL KEEMPAT**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**SHAH ALAM, 23 OGOS 2021 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

**23 OGOS 2021 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,  
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

**23 OGOS 2021 (ISNIN)**

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

**02 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.  
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 23 Ogos 2021 dimulakan dengan:

- (i) Bacaan Doa
- (ii) Proklamasi

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan Proklamasi.

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), D.K. (PAHANG), S.P.M.S., S.S.I.S, S.P.M.J., SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, Yang di-Pertuan Agong XVI, setelah menghalusi dan mengikut Seksyen 15(1)(b) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021, DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, mengampuni perkenan agar Dewan Negeri Selangor bersidang pada 23 Ogos 2021.

DAN BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), D.K. (PAHANG), S.P.M.S., S.S.I.S, S.P.M.J., SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 23 Ogos 2021 hingga 27 Ogos 2021, 30 Ogos 2021, 1 September 2021 hingga 3 September 2021 dan 6 September 2021 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas, yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 13 hari bulan Julai 2021

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

**TUAN SPEAKER :** Ahli - ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-Dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

### **(DEWAN DITANGGUHKAN SEKETIKA)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor serta Y.B. Tuan Speaker.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan segala hormatnya dijemput Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **(TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR)**

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.*

*Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor,

Beta bersyukur ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* kerana dengan izin-Nya Beta dapat berangkat untuk menyempurnakan Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke- Empat Belas (14) pada hari ini.

Istiadat Pembukaan Sidang pada pagi ini diadakan dalam keadaan dan suasana yang berbeza dari kelaziman dan norma sebelum ini. Setelah lebih setahun wabak COVID-

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

19 melanda negara, kita masih lagi bergelut dalam usaha untuk menangani penularan wabak yang belum menunjukkan sebarang tanda untuk berakhir dalam tempoh terdekat ini.

Setakat 16 Ogos 2021, Negeri Selangor telah mencatat Lima Ratus Empat Ribu Tiga Ratus Tujuh (504,307) kes jangkitan COVID-19 dan Beta difahamkan seramai Empat Ribu Empat Ratus Dua Puluh Tujuh (4427) orang telah meninggal dunia di Negeri Selangor. Pelbagai usaha dan kerjasama berterusan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk mengatasi penularan wabak COVID-19 dan meringankan beban rakyat serta memastikan ekonomi dan agenda pembangunan diteruskan walaupun dihimpit pandemik yang berpanjangan.

Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai pakej bantuan kepada rakyat Beta yang ketika ini berhadapan dengan kemelut dan kesusahan untuk menjalani kehidupan sehari-hari.

Beta berharap bantuan-bantuan seumpama ini dapat sampai ke golongan sasar dan golongan terkesan tepat pada masanya untuk meringankan beban segolongan rakyat Beta bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Sejak Sesi Pembukaan Persidangan Dewan Negeri Selangor yang lalu iaitu pada tarikh 16 Mac 2020, Kerajaan Beta telah membentangkan dan melaksanakan Dua (2) Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa Pertama dan Kedua yang berjumlah Ringgit Malaysia Empat Ratus Juta (RM400 Juta). Selain itu, Kerajaan Beta turut membentangkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor pada 13 Julai 2020 di dewan yang mulia ini.

Pelan Pemulihan ini bertujuan untuk membendung penularan wabak dan menyerap impak sosio-ekonomi berikutan tindakan balas daripada usaha-usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Pelan Pemulihan ini dijangka memberi kesan kepada rantai ekonomi bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Per puluhan Lapan Lima Billion (RM55.85 Billion).

Kerajaan Beta di bawah pimpinan Memanda Dato' Menteri Besar telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2021 pada 30 Oktober tahun lalu bertemakan ‘Melakar Realiti Baharu: Memperkasa Ekonomi Bermaruah Paksi Kecekalan Rakyat’. Berpaksikan Lima (5) Strategi utama, sejumlah Ringgit Malaysia Dua Per puluhan Tiga Dua Bilion (RM2.32 Billion) diperuntukkan bagi belanjawan tahun ini yang mencatatkan defisit Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Tiga Juta (RM123 Juta), iaitu

Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10 Juta) lebih rendah dari belanjawan sebelumnya.

## 23 OGOS 2021 (ISNIN)

Negeri Selangor sekali lagi mengharungi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 13 Januari 2021 akibat jumlah kes yang meningkat secara mendadak serta sistem kesihatan awam yang semakin tenat.

Berikutan daripada itu pada 20hb Januari 2021, Kerajaan Beta telah mengumumkan Pakej Kita Selangor Fasa Pertama berjumlah Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Perpuluhan Lapan Tujuh Tujuh Juta (RM75.877 Juta) yang secara dasarnya bertujuan untuk menyerap impak pelaksanaan PKP terhadap kelangsungan hidup rakyat, terutamanya golongan yang paling terkesan, serta membantu menangani penularan wabak.

Pada 1 Jun 2021, Negeri Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ataupun '*lockdown*' sepenuhnya. Ini menyebabkan perniagaan terpaksa ditutup dan rakyat tidak dibenarkan keluar bekerja kecuali di sektor perlu (*essential services*).

Pada 9 Jun 2021 Memanda Dato' Menteri Besar telah mengumumkan Pakej Kita Selangor Dua Perpuluhan Kosong (2.0) bertujuan untuk menginsafi keluhan rakyat yang sedang menderita kesusahan akibat himpitan wabak COVID-19 yang masih belum reda. Pakej Kita Selangor Dua Perpuluhan Kosong (2.0) ini meliputi Dua Puluh Lima (25) program dengan nilai Ringgit Malaysia Lima Ratus Lima Puluh Satu Perpuluhan Lima Enam Juta (RM551.56 Juta) yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya Satu Perpuluhan Enam Juta (1.6 Juta) rakyat Selangor.

Kerajaan Beta telah melaksanakan ujian saringan COVID-19 percuma bagi melakukan pengesanan awal untuk mengelakkan penularan di kalangan komuniti dan masyarakat setempat. Peruntukan melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta (RM20 Juta) telah disediakan oleh Kerajaan Beta untuk pelaksanaan program ini bermula sejak tahun 2020 lagi.

Sehingga bulan Ogos 2021, seramai lebih Seratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu, Lapan Ratus Dua Puluh Tiga (177,823) individu telah disaring secara berperingkat dan bersasar, ataupun *mass and targeted testing*. Seramai Seratus Ribu (100,000) individu akan disaring secara percuma dalam Pakej Kita Selangor Fasa Kedua disertakan dengan pemberian Enam Puluh Ribu (60,000) kit saringan kendiri (*self-test kit*) yang diberikan secara percuma.

Manakala dalam kalangan pemain industri pula, Kerajaan Beta telah melaksanakan program *Preventing Outbreak at Ignition Site* (POIS) iaitu Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) bagi membantu syarikat, kilang, pejabat dan tempat kerja untuk mengesan sebarang penularan wabak COVID-19 dan mengawal perebakan virus ini supaya tidak mencipta kluster yang di luar kawalan.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Pertama telah bermula di seluruh negara pada 24 Februari 2021 dalam usaha mencapai imuniti kelompok

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

dalam kalangan rakyat. Setakat 7 Julai 2021 ini, terdapat sebanyak Empat Ratus Enam Puluh Tujuh (467) buah Pusat Pemberian Vaksin dengan kapasiti sebanyak Satu Ratus Enam Puluh Lapan Ribu Dua Ratus Lima Puluh Lima (168,255) suntikan dos vaksin melalui kerjasama awam dan swasta telah dibuka bagi proses vaksinasi rakyat negeri Selangor.

Sebagai langkah sokongan kepada program PICK, Kerajaan Beta juga telah melancarkan Program Vaksin Selangor yang dikenali sebagai SelVAX.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kadar vaksinasi kepada rakyat di Selangor di samping melindungi ekonomi negeri Selangor yang menyumbang kepada hampir Dua Puluh Lima Peratus (25%) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beta difahamkan bahawa kadar vaksinasi negeri Selangor pada ketika ini adalah yang tertinggi, selaras dengan kadar kepadatan penduduk dan bilangan kes yang tinggi.

Setakat 13 Ogos 2021, sebanyak Lima Juta Lapan Ratus Tujuh Puluh Empat Ribu Satu Ratus Enam Puluh Dua (5,874,162) dos vaksin telah diberikan kepada rakyat Beta melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Ini bermakna sejumlah Tujuh Puluh Tujuh Perpuluhan Enam Empat Peratus (77.64%) populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin manakala Empat Puluh Enam Perpuluhan Kosong Lima Peratus (46.05%) telah lengkap Dua (2) dos vaksin. Beta turut dimaklumkan sebanyak Dua Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Enam (276,926) dos vaksin melalui Program SelVAX telah diberikan kepada rakyat. Beta yakin dengan pelaksanaan Program PICK dan SelVAX bakal memberi manfaat kepada rakyat Negeri Selangor.

Pakej-pakej Rangsangan Ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan disokong oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kelangsungan persekitaran perniagaan telah berjaya mengekalkan Selangor sebagai pusat tumpuan ekonomi negara. Ini adalah kerana Negeri Selangor menempatkan sebilangan besar pemain perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga industri pembuatan serta perkilangan.

Beta bersyukur kerana Selangor masih menjadi pilihan pelabur- pelabur tempatan dan luar negara untuk menjalankan perniagaan berikutan kemudahan prasarana yang lengkap dan moden serta dasar-dasar Kerajaan yang memudah cara persekitaran perniagaan.

Kelebihan daya saing ini telah menyaksikan prestasi pelaburan dan perindustrian bagi tahun 2020 merekodkan pencapaian yang cemerlang di mana Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Sebanyak Tiga Ratus Dua Puluh Empat (324) projek perkilangan telah diluluskan oleh *Malaysian Investment*

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

*Development Authority* (MIDA) di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Lapan Belas Perpuluhan Empat Tiga Billion (RM 18.43 Bilion).

Dari jumlah ini, sebanyak Ringgit Malaysia Enam Perpuluhan Sembilan Lima Bilion (RM6.95 Bilion) atau Tiga Puluh Tujuh Perpuluhan Tujuh Peratus (37.7%) daripada pelaburan tempatan dan sebanyak Ringgit Malaysia Sebelas Perpuluhan Empat Lapan Billion (RM 11.48 bilion) atau Enam Puluh Dua Perpuluhan Tiga Peratus (62.3%) daripada pelaburan asing. Pelabur daripada Jepun masih merupakan pelabur utama, diikuti pelabur daripada Netherlands dan China.

Di sebalik kemelut pandemik COVID-19, Beta dimaklumkan bahawa sebanyak Sembilan Belas Ribu Sembilan Ratus Lima Puluh (19,950) potensi peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang diluluskan di negeri Selangor.

Daerah Petaling mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding daerah lain di negeri Selangor dengan nilai pelaburan melebihi Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Sembilan Tiga Empat Billion (RM5.934 Billion). Ini diikuti Daerah Kuala Langat melebihi Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Tujuh Lapan Lima Billion (RM5.785 Billion) dan Daerah Klang melebihi Ringgit Malaysia Tiga Perpuluhan Empat Tujuh Tujuh Billion (RM3.477 billion).

Nilai pelaburan yang direkodkan ini melepas nilai pelaburan yang disasarkan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas Billion (RM12 bilion). Bagi tahun 2021 pula, sasaran pelaburan yang ditetapkan kekal sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas Billion (RM12 bilion). Pengekalan sasaran pelaburan yang ditetapkan ini berdasarkan jangkaan berlakunya pengurangan dalam aktiviti pelaburan disebabkan penularan wabak Covid 19 dan proses pemulihan ekonomi yang dihadapi seluruh negara ketika ini.

Walaupun Negeri Selangor masih lagi menjadi tumpuan para pelabur, tidak dapat dinafikan pelaksanaan kawalan pergerakan ini telah menyebabkan penutupan premis perniagaan yang menyebabkan rakyat kehilangan sumber pekerjaan dan pendapatan. Keadaan ini telah menyebabkan peningkatan kepada kadar pengangguran negara. Pada tahun 2020 pengangguran di Malaysia telah meningkat kepada Empat Perpuluhan Sembilan Peratus (4.9%) berbanding Tiga Perpuluhan Dua Peratus (3.2%) pada tahun 2019. Selepas sedikit pertumbuhan pada awal tahun ini, baru-baru ini kadar pengangguran telah meningkat semula kepada Empat Perpuluhan Lapan Peratus (4.8%) selepas Empat Puluh Ribu Enam Ratus (40,600) pekerja hilang pekerjaan pada bulan Jun 2021.

Penularan pandemik COVID-19 ini telah memaksa kita untuk menggunakan teknologi dan kemudahan dalam talian sebagai sebahagian daripada kehidupan seperti membeli barang, menghadiri kelas, bermesyuarat, menguruskan bencana dan

aktiviti seharian yang lain. Ini menunjukkan bahawa kita sedang bergerak ke arah satu kehidupan serba digital dan Selangor akan terus menyediakan infrastruktur bermutu dan berkelajuan tinggi serta khidmat penyambungan digital yang cekap dan selamat. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta berpandangan wujud keperluan untuk menggiatkan lagi usaha memastikan ekonomi negeri lebih tangkas untuk menghadapi sebarang ancaman dan risiko, sama ada ancaman dari segi perubahan iklim, bencana alam seperti banjir dan kejadian lain yang mampu mengancam dan menggugat kesejahteraan rakyat. Ini kerana perubahan iklim atau bencana alam mampu memberikan impak negatif terhadap ekonomi.

Justeru, Beta ingin mengingatkan Kerajaan Beta agar terus melaksanakan agenda hijau dengan mewujudkan ekosistem yang terbaik dan moden untuk menarik pelaburan dalam teknologi hijau yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Ini bukan sahaja boleh merangsang guna tenaga malah mampu meningkatkan daya tahan ekonomi dan alam sekitar untuk satu tempoh masa yang panjang.

Sehubungan dengan itu, keputusan Kerajaan Beta untuk terus komited mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Selangor agar tidak kurang Tiga Puluh Peratus (30%) daripada keluasan tanah negeri adalah keputusan yang tepat dan wajar dalam melaksanakan agenda hijau ini.

Beta dimaklumkan sehingga kini, kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan di negeri Selangor adalah berjumlah lebih kurang Dua Ratus Lima Puluh Ribu (250 Ribu) hektar iaitu bersamaan dengan Tiga Puluh Satu Perpuluhan Empat Tujuh Peratus (31.47%) daripada keluasan tanah negeri.

Kerajaan Negeri Selangor turut mensasarkan sebanyak Tiga Puluh Dua Peratus (32%) kawasan negeri diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal pada tahun 2025.

Negeri Selangor merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuaskan Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal. Hal ini menunjukkan tahap komitmen dan kesungguhan tinggi Kerajaan Negeri Beta dalam melindungi sumber hutan selaras dengan agenda pembangunan hijau negeri.

Beta menyambut baik usaha Kerajaan Beta menangani isu pencemaran air yang berleluasa pada tahun lalu. Tindakan seperti pembaharuan Enakmen LUAS 1999 yang berasaskan '*Polluters Pay Principle*' serta peruntukan Ringgit Malaysia Tiga Ratus Enam Puluh Perpuluhan Lima Dua Juta (RM360.52 Juta) yang merangkumi aspek sistem rawatan air bio-remediation, disertakan dengan sikap inklusif mencetuskan peranan rakyat Beta melalui *Friends of River* dibuktikan membantu menyelesaikan cabaran yang dihadapi tahun lalu.

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

Walaupun pelbagai inisiatif dan kemajuan teknologi telah dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air yang lestari, semua penduduk di Selangor seharusnya menggunakan air dengan cara yang lebih berhemat untuk mengelakkan pembaziran.

Kerajaan Beta melalui Air Selangor terus komited untuk memberi tumpuan mempertingkatkan daya tahan perkhidmatan bekalan air bersih di samping turut menjamin bekalan air berterusan kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pendidikan adalah merupakan tunjang utama dalam aspek pembangunan modal insan. Beta amat berkenan dengan pembinaan sekolah baru yang telah beroperasi tahun ini seperti Maahad Integrasi Tahfiz Selangor di Pandan Indah Hulu Langat, Sekolah Rendah Agama Denai Alam di Shah Alam dan Sekolah Rendah Agama Country Homes di Gombak. Perbelanjaan pembinaan Sekolah Rendah Agama dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor yang menelan belanja Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta (RM22 Juta) ini adalah bukti komitmen Kerajaan Beta bagi memastikan agenda pendidikan Islam terus diperkasa.

Beta juga amat berkenan dengan langkah Kerajaan Negeri memperkenalkan caruman PERKESO kepada Empat Ribu Dua Ratus (4,200) guru KAFA yang menelan belanja Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Satu Juta (RM1.1 Juta). Langkah ini bagi memastikan kebijakan warga pendidik terus dijamin dan dipelihara.

Beta juga ambil maklum kenyataan Memanda Dato' Menteri Besar baru-baru ini bahawa Guru-Guru KAFA dan JAIS akan diutamakan bagi pemberian vaksin bagi memastikan kesihatan mereka dipelihara dan memudahkan sesi pembukaan sekolah tidak lama lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor,

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan kebimbangan Beta berkaitan dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda Negara khususnya di negeri Selangor ini. Beta merasa amat sedih dan dukacita melihat setiap hari Negeri Selangor merekodkan jumlah pesakit dan kematian akibat wabak COVID-19 paling tinggi di Malaysia. Beta sedih apabila melihat kesusahan rakyat Beta yang kematian ahli keluarga dan anak-anak yang kehilangan ibubapa tempat bergantung. Apatah lagi pada saat ekonomi rakyat juga berada di dalam keadaan yang amat tenat.

Beta tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak atas peningkatan kadar kematian dan jumlah pesakit COVID-19 ini. Namun demikian, pada hemat Beta, peningkatan jumlah pesakit dan kematian akibat COVID-19 berlaku disebabkan kelalaian kita terhadap penguatkuasaan dan pematuhan SOP yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara. Di sini Beta berikan contoh perbandingan iaitu pada 18 Oktober 2020, jumlah kes jangkitan akibat COVID-

19 di Negeri Selangor hanyalah Tiga Ribu Dua Ratus Lima Puluh (3,250) kes dengan Dua Puluh Lima (25) jumlah kematian di Negeri Selangor. Kemudian apabila Negara memasuki Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), angka kes baharu dan kematian mula meningkat. Pada 31 Januari tahun ini, kes kematian di Negeri Selangor naik kepada Seratus Lima Puluh Lima (155) jumlah kematian.

Pada sekitar bulan Mei yang lalu kerajaan telah membenarkan beberapa sektor ekonomi dibuka bagi tujuan menjana ekonomi Negara dan membantu rakyat untuk mencari pendapatan. Apa yang berlaku pada ketika itu adalah Beta melihat kurangnya penguatkuasaan dijalankan oleh pihak penguatkuasa dan masyarakat mengambil ringan tentang pematuhan SOP. Sebagai contohnya, apabila pasar-pasar malam dan pasar ramadhan dibuka, rakyat dilihat beramai-ramai berkunjung di pasar-pasar tersebut tanpa mengambil berat tentang keperluan penjarakan fizikal dan penggunaan pelitup muka. Begitu juga dengan operasi kilang-kilang yang mana pihak majikan telah gagal menyediakan satu SOP yang ketat untuk pekerja-pekerja mereka yang datang bekerja. Kelalaian ini telah mencetuskan gelombang ketiga wabak COVID-19 ini sehingga kadar kes dan kematian akibat COVID-19 melonjak dengan begitu ketara.

Keadaan ini menjadi bertambah kritikal apabila ada di kalangan rakyat yang tidak mematuhi larangan merentas daerah dan negeri ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan dengan bertindak pulang ke kampung merentas daerah dan negeri pada musim perayaan Aidilfitri dan Aidiladha yang lalu. Ini telah mengakibatkan wujudnya kluster-kluster baharu dan juga penularan wabak secara meluas ke seluruh Negara. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila terdapat pemimpin-pemimpin politik, golongan kenamaan (VIP) dan selebriti yang menyalahgunakan kedudukan untuk sewenang-wenangnya melanggar perintah yang dikeluarkan ketika PKPD sedang berkuat-kuasa dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dilarang oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara.

Di samping itu juga, pada peringkat awal program vaksinasi Negara dilaksanakan, tumpuan vaksinasi tidak diberikan keutamaan kepada Negeri dan kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Keutamaan vaksinasi juga tidak dilakukan di Lembah Klang di mana kegiatan sektor industri adalah pesat khususnya di negeri Selangor. Akibat dari itu wabak COVID-19 ini telah merebak dengan cepat di kawasan- kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai serta lahirnya kluster-kluster kilang yang merebak tanpa kawalan. Namun apakan daya, nasi sudah menjadi bubur, nyawa rakyat Beta yang telah mati akibat wabak COVID-19 tidak dapat dikembalikan. Apa yang penting sekarang ini adalah untuk kita melangkah ke hadapan dengan penuh positif dan mengharapkan kesilapan dan kelalaian yang berlaku tidak kita ulangi semula. Justeru itu Beta menyeru kepada semua rakyat untuk mengamalkan sikap bertanggung-jawab di dalam mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan bagi membantu pihak kerajaan di dalam menangani wabak COVID-19 ini.

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

Beta berharap rakyat Beta memberi kerjasama sepenuhnya untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat semua perlu memainkan peranan untuk menasihatkan rakyat agar segera mengambil suntikan vaksin COVID-19 supaya negeri Selangor boleh mencapai imuniti kelompok pada tarikh yang disasarkan.

Namun, kepada yang telah mendapat Dua (2) dos suntikan vaksin, Beta berharap agar jangan ambil mudah dan merasakan diri kebal. Beta menyeru agar rakyat terus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan hiduplah dalam norma baharu. Amalkan pemakaian pelitup muka apabila keluar rumah dan pastikan penjarakan fizikal sentiasa dipatuhi.

Di kesempatan ini juga Beta secara peribadi menzahirkan ingatan kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor, agar jangan terlalu banyak berpolitik serta merebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama untuk membela nasib rakyat. Beta tidak dapat menyembunyikan rasa dukacita dan kesal apabila melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidaktentuan politik Negara yang begitu ketara sejak kebelakangan ini. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar dari sejarah tentang kejatuhan sesebuah Negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan di dalam masyarakat. Tidakkah Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa apabila pemimpin-pemimpin politik berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil maka rakyat yang terpaksa menanggung kesusahannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pastinya tahu betapa rakyat sekarang berada di dalam keadaan susah dan menderita di dalam suasana Negara dan dunia sedang berhadapan dengan gejala wabak COVID-19 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya mengambil tahu tentang masalah yang sedang di hadapi oleh rakyat di kawasan masing- masing khususnya mengenalpasti apakah bantuan yang perlu disalurkan kepada rakyat yang terjejas akibat wabak COVID-19. Ahli-ahli Yang Berhormat juga sepatutnya menyemak jumlah rakyat yang telah hilang pekerjaan dan mencari jalan untuk membantu golongan ini. Data-data juga perlu diperolehi daripada mereka yang telah kehilangan ibu bapa tempat pergantungan dan yang berhadapan dengan masalah tekanan hidup agar perkara ini boleh diangkat kepada pihak kerajaan Negeri untuk ditentukan bagaimana bentuk bantuan yang boleh diberikan. Beta mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat di bawah sana memerlukan anda untuk membantu kesusahan yang sedang mereka lalui. Bantulah mereka, carilah mereka, bukan sekadar mencari mereka untuk mendapatkan undi sewaktu pilihanraya semata-mata.

Ingatlah, mandat yang diberi oleh rakyat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua sebagai wakil rakyat adalah merupakan amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang diletakkan ke atas bahu Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang perlu dilaksanakan dengan jujur, bertanggungjawab dan penuh keikhlasan.

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

Sejak kebelakangan ini Ahli-ahli Yang Berhormat semua tentu telah membaca di akhbar-akhbar dan media sosial tentang tangkapan beberapa orang penjawat awam yang berkedudukan tinggi oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di negeri Selangor ini. Di samping itu Beta juga ada menerima laporan mengenai siasatan pihak SPMR terhadap pemimpin-pemimpin politik berkaitan dengan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Beta kesal kerana masih ada yang tidak jujur di dalam melaksanakan amanah yang diletakkan kepada mereka sebagai penjawat awam dan pemimpin politik walaupun telah seringkali Beta ingatkan untuk tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah yang boleh merosakkan bangsa dan Negara. Beta mengingatkan sekali lagi bahawa Beta tidak mahu mendengar sebarang laporan tentang penglibatan mana-mana pegawai kerajaan dan pemimpin politik Negeri Beta di dalam amalan rasuah ini.

Beta telah pun menitahkan pihak SPMR untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh bagi membersihkan Negeri Selangor ini dari amalan rasuah. Beta juga berharap agar pelaku rasuah ini dapat dihadapkan ke mahkamah dan jika disabit, perlu dihukum dengan hukuman yang berat bagi menyampaikan mesej penolakan rakyat terhadap gejala rasuah ini. Perasuan tiada tempat di dalam masyarakat dan perlu kita perangi secara habis-habisan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, andaikata sikap segolongan pemimpin-pemimpin politik dan pegawai kerajaan di negeri Selangor ini berterusan mementingkan kuasa dan kedudukan, menjadikan amalan rasuah sebagai budaya hidup, mengeneplikan kepentingan rakyat dan tidak berusaha memajukan semula ekonomi negeri yang teruk terjejas akibat COVID-19 ini, Beta bimbang, pada usia Beta Tujuh Puluh Lima (75) tahun ini, Beta tidak sempat untuk melihat Negeri Selangor menjadi sebuah negeri yang maju dan pesat membangun dengan segala kemudahan yang menjamin keselesaan rakyat seperti yang kita semua idamkan.

Sebagai mengakhiri ucapan Beta, dalam suasana pandemik yang kian meruncing ini, Beta amat berharap agar sekalian rakyat berbilang kaum dan agama dapat terus hidup di dalam harmoni dan bersatu padu. Beta merayu kepada semua rakyat Beta tak kira agama apa yang dianuti untuk menghormati agama dan budaya masing-masing. Janganlah kita amalkan budaya menghina agama kaum yang lain atau menyentuh isu-isu sensitif berkaitan mana-mana kaum. Janganlah kita cuba untuk membakar api perkauman dan mencetuskan provokasi yang boleh membawa kesan buruk kepada keharmonian rakyat. Harus diingat, jika kekacauan berlaku antara kaum, api kemarahan dan perpecahan ini amat sukar untuk dipadamkan.

Akhir kata, Beta mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan ucapan rasa penghargaan dan berterima kasih di atas segala pengorbanan dan komitmen yang telah diberikan oleh semua petugas barisan hadapan khususnya kepada para doktor, jururawat dan kakitangan hospital yang bertungkus-lumus bekerja bagi memberi rawatan kepada pesakit-pesakit COVID-19. Beta sangat menghargai semangat

## **23 OGOS 2021 (ISNIN)**

mereka yang tidak pernah luntur di dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat Beta.

Beta ucapkan selamat bersidang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian,

*Wabillah Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER :** Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Selasa, 24 Ogos 2021, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas.

**[Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor membaca doa ]**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dijemput Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ex-Officio turun ke lobi Dewan Negeri bagi mengiringi Keberangkatan Balik D.Y.M.M. Sultan Selangor dan D.Y.T.M. Raja Muda Selangor. Ahli-ahli Dewan Negeri dan Dif-dif Kehormat dipohon kekal berada di Dewan Mesyuarat.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi)**